

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan senarai nama undang-undang dan perjanjian-perjanjian antarabangsa yang mengandungi perkataan Kepulauan Spratly selain daripada UNCLOS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Setar atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia, lazimnya perjanjian-perjanjian antarabangsa tidak menjurus kepada sesuatu kawasan geografik yang spesifik. Ini kerana, secara amnya, perjanjian-perjanjian antarabangsa ini dibuat bertujuan mendapatkan penerimaan sejagat.

3. Sebagai contoh, **Konvensyen Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu Mengenai Undang - Undang Laut 1982** (*United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 - UNCLOS 1982*) merupakan konvensyen yang komprehensif bertujuan untuk mengawal selia semua aspek lautan berkaitan kedaulatan sesebuah negara, juga hak-hak negara persisir dan negara pengguna (*user states*), serta penggunaan sumber lautan. Ia juga merupakan sumber rujukan utama yang

digunapakai bagi isu tuntutan zon maritim dan tuntutan bertindih maritim.

4. Konvensyen ini telah berkuatkuasa sejak 16 November 1994. Malaysia meratifikasi konvensyen ini pada 14 Oktober 1996. Sehingga kini, sebanyak 168 buah negara merupakan ahli UNCLOS 1982.

5. Kepulauan Spratly terletak di Laut China Selatan. Secara ringkasnya, pendirian negara berhubung Laut China Selatan adalah jelas iaitu:

Pertama, semua pihak perlu memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation* dan *over-flight*.

Kedua, semua pihak perlu mengelak tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan dan bersifat provokatif, atau dengan izin, *self-restraint*, dan mengelak tindakan berkaitan ketenteraan, atau dengan izin, *non-militarization*.

Ketiga, semua tuntutan hak maritim dan penyelesaiannya hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah **Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982**, atau dengan izin, ***United Nations Convention on Law of the Sea 1982*** atau singkatannya ***UNCLOS 1982***.

Sekian, terima kasih.